

Di hujung sebuah kampung, tinggal Pak Karim dan tiga orang anaknya. Pak Karim sangat gigih membesarkan anak-anaknya. Isteri Pak Karim, iaitu Mak Siti telah meninggal dunia akibat demam panas.

Pak Karim cuma berkelulusan darjah enam. Dia banyak bergantung pada laut untuk mencari rezeki bagi menyara keluarganya. Walaupun terpaksa bergelut dengan pukulan ombak dan panas terik mentari, dia tetap tabah menjalani *liku-liku hidup*. Hasil tangkapan yang diperoleh pada setiap hari tidak seberapa. Adakalanya cukup-cukup makan sahaja.

Pak Karim berasa susah hati kerana terpaksa meninggalkan anak-anaknya di rumah tanpa pengawasan orang dewasa. Dalam masa yang sama, dia perlu turun ke laut untuk mencari sesuap nasi. Mujurlah anaknya yang sulung, iaitu Faizah sudah boleh diharapkan untuk menjaga adik-adiknya. Jiran Pak Karim, iaitu Mak Anis pula sering menjenguk anak-anak Pak Karim semasa ketiadaannya.

Pak Karim amat mengambil berat tentang pelajaran anak-anaknya. Dia selalu memberikan kata-kata semangat kepada mereka. Pak Karim yakin bahawa hanya pelajaranlah yang dapat mengubah nasib mereka sekeluarga. Dia mahu mereka berjaya dalam pelajaran dan menjawat jawatan yang tinggi. Dia tidak mahu anak-anaknya mengikut jejak langkahnya sebagai nelayan. Anak-anak Pak Karim tahu tentang impian ayah mereka. Oleh itu, setiap hari mereka belajar dengan tekunnya.

Akhirnya, harapan Pak Karim menjadi kenyataan. Semua anaknya berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading. Kejayaan mereka hasil daripada dorongan dan kata-kata semangat yang diberikan oleh Pak Karim. Dia sangat bersyukur.

96. Mengapakah Pak Karim berasa susah hati?

- A Isterinya telah meninggal dunia.
- B Dia terpaksa mencari rezeki di laut.
- C Hasil tangkapan yang diperoleh pada setiap hari tidak seberapa.
- D Dia terpaksa meninggalkan anak-anaknya di rumah tanpa pengawasan orang dewasa.

97. Puan Anis berhati mulia kerana

- A menjaga anak-anak Pak Karim yang masih kecil.
- B mengambil berat tentang pelajaran anak-anak Pak Karim.
- C sering menjenguk anak-anak Pak Karim semasa ketiadaannya.
- D sentiasa memberikan kata-kata semangat kepada anak-anak Pak Karim.